# PANDUAN PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN MURID
# BAHASA MELAYU
# TINGKATAN 3

**MATLAMAT KURIKULUM BAHASA MELAYU**

Matlamat kurikulum bersepadu Bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan urusan harian.

**OBJEKTIF KURIKULUM BAHASA MELAYU**

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah, murid dapat:

i. melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, perbincangan, dan penulisan untuk menjalin serta mengeratkan hubungan, dan berurus untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan;

ii. mendapat dan memproses maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca, dan ditonton untuk memperoleh ilmu dan maklumat;

iii. menggunakan maklumat yang diperoleh untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan;

iv. mendengar, membaca, menonton, dan memberikan respons kepada pelbagai bahan sastera dan bukan sastera;

v. melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan secara kreatif dan berkesan; dan

vi. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara.

| BAND | PERNYATAAN STANDARD |
|---|---|
| **6** | Menilai sesuatu perkara yang didengar-dituturkan, dibaca dan ditulis. |
| **5** | Memproses maklumat yang didengar-dituturkan, dibaca dan ditulis. |
| **4** | Membuat penjelasan tentang maklumat yang didengar-dituturkan, dibaca dan ditulis. |
| **3** | Memahami dan memberikan respons kepada maklumat yang didengar-dituturkan, dibaca dan ditulis |
| **2** | Mengetahui dan memahami perkara yang didengar-dituturkan, dibaca dan ditulis |
| **1** | Mengetahui perkara yang didengar-dituturkan, dibaca dan ditulis. |

| KEMAHIRAN | BAND | DESKRIPTOR |
|---|---|---|
| LISAN | 1 | Bersoal jawab dan menyambung bicara tentang sesuatu isu dengan menggunakan bahasa yang sesuai |
| | 2 | Mendengar dan memberikan pendapat tentang sesuatu isu yang didengar secara spontan dan logik. |
| | 3 | Berbincang untuk menerima atau menolak pendapat pihak lain dengan mengemukakan alasan / pendapat yang rasional. |
| | 4 | Berunding tentang sesuatu perkara dengan menjelaskan pendapat yang rasional secara berhemah. |
| | 5 | Meneliti pelbagai pendapat dan membuat inferens yang sesuai dengan mengemukakan alasan yang rasional serta bertatasusila. |
| | 6 | Menilai kekuatan dan kelemahan idea yang dikemukakan dengan alasan yang kukuh berserta ungkapan dan gaya pengucapan (sebutan kefasihan, intonasi dan nada) yang tepat dan dapat menyakinkan pihak lain. |

| KEMAHIRAN | BAND | DESKRIPTOR |
|---|---|---|
| **MEMBACA** | **1** | Membaca petikan prosa atau puisi dengan sebutan dan intonasi yang sesuai |
| | **2** | Membaca, memahami dan menyatakan maklumat penting yang terdapat dalam petikan dengan betul |
| | **3** | Membaca bahan dan menyatakan fakta dengan betul serta menghubungkaitkan fakta tersebut dengan pandangan sendiri yang relevan. |
| | **4** | Membaca dan mentafsirkan maklumat dalam bahan grafik dengan betul serta membuat inferens yang relevan tentang maklumat tersebut. |
| | **5** | Membaca pelbagai bahan dan membuat ulasan secara umum (idea, bahasa dan pengolahan) berkaitan karya bukan kreatif dan aspek kajian sastera dalam karya kreatif dengan alasan / contoh yang relevan. |
| | **6** | Membaca dan menilai aspek kekuatan dan kelemahan dua bahan bukan kreatif (idea, bahasa dan pengolahan) dan dua bahan kreatif (aspek kajian sastera) dengan mengemukakan alasan yang relevan. |

| KEMAHIRAN | BAND | DESKRIPTOR |
|---|---|---|
| MENULIS | 1 | Mengenal pasti dan menulis pelbagai jenis ayat majmuk (Ayat Majmuk Gabungan, Ayat Majmuk Pancangan, Ayat Majmuk Campuran) yang gramatis. |
| | 2 | Mengenal pasti, menyusun dan menulis ayat topik dan ayat huraian bagi membentuk perenggan yang lengkap. |
| | 3 | Membina kerangka penulisan bukan kreatif yang lengkap |
| | | Memetakan jalan cerita (membina plot) bagi penulisan kreatif yang lengkap |
| | 4 | Menulis karangan berformat atau tidak berformat dengan laras bahasa yang betul dan lengkap. |
| | | Menulis cerita atau cerpen dengan menggunakan plot yang lengkap |
| | 5 | Menghasilkan pelbagai jenis karya bukan kreatif (karangan berformat dan tidak berformat) dengan gaya penulisan yang baik dan menarik (idea relevan, pengolahan menarik, bahasa lancar) dan karya kreatif (dua jenis puisi) yang mempunyai ciri-ciri puisi yang baik dan menarik (tema, nilai gaya bahasa). |
| | 6 | Memurnikan penulisan bukan kreatif (aspek idea dan tatabahasa) dan penuliusan kreatif (aspek ciri-ciri dan gaya bahasa) sehingga dapat dijadikan contoh. |